

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

1 Batu Uban ialah nama sebuah petempatan di Pulau Pinang.

MS Teks 30

Kawasan tersebut dianugerahkan oleh Sultan Kedah kepada orang Melayu dari Sumatera sebagai

- A pampasan peperangan
- B kawasan pajakan
- C membalas jasa
- D bayaran ufti

2 Kuasa Barat yang manakah pernah menjajah Melaka dari tahun 1511 hingga 1824?

MS Teks 31

- | | |
|-------------|--------------|
| I Belanda | III Perancis |
| II Portugis | IV Sepanyol |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

3 Mengapakah British memerlukan Pulau Pinang sebagai pangkalan tentera?

MS Teks 32

- A Mengawal perairan
- B Melatih tentera bersekutu
- C Menyerang Kepulauan Melayu
- D Menghadapi ancaman Perancis

4 Ilustrasi berikut menunjukkan bendera Union Jack dinaikkan pada 11 Ogos 1786.

MS Teks 34



Apakah kesimpulan yang boleh dibuat?

- A Penyelesaian masalah di Kedah
- B Pertapakan kuasa Barat di negara kita
- C Raja Abdullah bebas daripada masalah
- D Hubungan baik antara British dengan Kedah

5 Mengapakah rundingan antara Edward Monckton dengan Sultan Muhammad Jiwa telah mengalami kegagalan?

MS Teks 34

- A SHTI tidak memberikan jaminan perlindungan

B SHTI meminta tuntutan ganti rugi yang tinggi

C SHTI kekurangan bekalan tentera

D SHTI tidak berminat membantu

6 British telah menduduki Melaka secara sementara dari tahun 1793 hingga 1814, kemudian telah dipulangkan semula kepada Belanda.

MS Teks 36

Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

- A Tamat tempoh pajakan
- B Tamat tempoh perjanjian
- C Tewas dalam peperangan
- D Terlibat dengan perang saudara

7 Bagaimanakah Stamford Raffles cuba mengambil Singapura?

MS Teks 38

- A Membedil Singapura dan Johor
- B Melakukan pakatan dengan Belanda
- C Memanipulasi isu pewarisan takhta
- D Memeterai perjanjian dengan pembesar

8 Pernyataan berikut berkaitan dengan situasi di Johor.

MS Teks 38

- Sultan Abdul Rahman bersemayam di Lingga
- Sultan Hussein bersemayam di Singapura

Apakah peristiwa yang menyebabkan kewujudan dua orang sultan di Johor?

- A Campur tangan British
- B Campur tangan Belanda
- C Penyelesaian pertikaian
- D Wasiat daripada pemerintah terdahulu

9 Pernyataan berikut berkaitan dengan perjanjian yang dimeterai antara British dengan pemerintah Singapura.

MS Teks 39

Perjanjian 2 Ogos 1824

Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa tersebut?

- A Bijak menyelesaikan masalah
- B Hasil ekonomi perlu dikongsi bersama
- C Perpecahan membawa ruang penjajahan
- D Mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang

10 Mengapakah Belanda menuntut British berundur dari Singapura?

MS Tek 40

- A Perdagangan terjejas
- B Kehilangan tanah jajahan
- C Bercanggah dengan perjanjian
- D Permintaan pembesar tempatan

2.2 Perjanjian London 1824 dan Kesannya Terhadap Alam Melayu

11 Antara berikut, yang manakah adalah syarat Perjanjian London 1824?

MS Tek 43

- I Belanda menyerahkan Melaka
 - II British berundur dari Sumatera
 - III British membuka petempatan baharu
 - IV British mengiktiraf Belanda di Singapura
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12 Apakah kesan Perjanjian London 1824 ke atas Kesultanan Johor Riau?

MS Tek 44

- A Kuasa sultan diiktiraf
- B Takhta dituntut kembali
- C Menamatkan pemerintahan
- D Penyelesaian perang saudara

13 Apakah peristiwa yang membawa kepada pengisytiharan Pahang sebagai negeri yang bebas pada tahun 1853?

MS Tek 45

- A Kemenangan dalam perang saudara
- B Penguasaan British di Johor
- C Anugerah daripada sultan
- D Hasil perjuangan rakyat

14 Mengapakah Sultan Mahmud Muzaffar Shah IV (1841 - 1857) tidak berpuas hati dengan Perjanjian London 1824?

MS Tek 45

- A Tidak dapat hadir
- B Gagal memenuhi syarat
- C Tidak mendapat ganti rugi
- D Di luar pengetahuan pihak istana

2.3 Pembentukan Negeri-negeri Selat

15 Apakah fungsi Sistem Kapitan di Melaka (1824 - 1826)?

MS Tek 46

- A Menguruskan cukai
- B Mewujudkan keamanan
- C Mengusahakan ekonomi
- D Mengendalikan laluan kapal

16 Maklumat berikut berkaitan dengan nama Negeri-negeri Selat.

MS Tek 47

- Melaka
- Singapura
- Pulau Pinang

Apakah kepentingan hubungan dengan negeri-negeri di atas kepada negeri-negeri Melayu?

- A Pelaburan modal asing
- B Pembekal hasil galian
- C Negeri naungan
- D Pelabuhan

2.4 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

17 Mengapakah SHTI telah memindahkan pusat pentadbiran ke Singapura pada tahun 1832?

MS Tek 48

- A Hak negeri dikembalikan
- B Tuntutan pedagang
- C Dasar kerajaan
- D Lebih strategik

18 Berikut ialah peristiwa yang telah berlaku di Negeri-negeri Selat.

MS Tek 49

- Tempat buangan banduan
- Cukai pelabuhan

Apakah tindakan yang diambil oleh SHTI bagi mengatasi masalah tersebut?

- A Pemindahan pentadbiran
- B Pelantikan ketua baharu
- C Pembebasan negara
- D Pengukuhan kuasa

19 Berikut ialah satu bentuk pentadbiran yang telah dijalankan oleh pihak British di negara kita.

KBAT

Negeri-Negeri Selat 1826

Berdasarkan pelaksanaan pentadbiran di atas, apakah nilai yang boleh dipupuk dalam kalangan generasi muda pada hari ini?

- A Berpendirian teguh
- B Bertoleransi antara kaum
- C Mengutamakan permuafakatan
- D Bijak menyelesaikan masalah yang dihadapi